

# ESSCOM galas harapan rakyat jamin kedaulatan wilayah, negara: Rashid

NST 22.10.2014 7

OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)

**LABUAN:** Pengarah Operasi ESSCOM Komendar DCP Abdul Rashid Harun berkata, ESSCOM mengalas harapan rakyat dan negara bagi memastikan dan mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di Sabah secara amnya dan ESSZONE secara khususnya.

Beliau berkata, Malaysia merupakan sebuah negara maritim dan perkara ini tidak boleh dinafikan berlandaskan beberapa fakta.

"Antara fakta itu termasuklah persempadanan maritim Malaysia yang melibatkan tujuh buah negara iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei, China, Vietnam dan Singapura berbanding dengan tiga sempadan darat iaitu Thailand, Indonesia dan Brunei," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama sempena perasmian Persidangan Persidangan Maritim Antarabangsa Pertama anjuran Universiti Malaysia Sabah(UMS) yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat UMS Kampus Antarabangsa Labuan, di sini pagi kelmarin.

Majlis perasmian persidangan tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Selain itu katanya, kawasan maritim Malaysia juga adalah bermisbah' hampir 2:1 iaitu 603,210km persegi kawasan laut berbanding 329,860km persegi kawasan darat.

Malah katanya, kawasan laut yang luas itu merupakan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara terutamanya di zon ekonomi eksklusif



**TERIMA KASIH...** Abdul Rashid (kanan) menerima cenderamata daripada Dr Ismail diperhatikan Dr Murnizam (kiri) selepas menyampaikan ucaptama sempena Persidangan Miritim Antarabangsa Pertama.

(zee) dan pelantar benua negara yang terletak di laut China Selatan yang kaya dengan sumber perikanan dan minyak mentah serta gas asli.

Katanya lagi, 98 peratus perdagangan antarabangsa Malaysia juga melibatkan laut menjadikan kawasan ini lebih terdedah kepada ancaman luar selain terdapat kawasan yang masih menjadi pertikaian atau rebutan antara negara-negara serantau.

Sementara itu, ketidaktentuan dalam persempadanan maritim bukan sahaja mampu menghasilkan potensi konflik antara dua negara malah ia juga membuka ruang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang tidak sihat kerana penguatkuasaan di kawasan grey area sememangnya amat sukar untuk dipantau.

"Sebagai contoh semenjak tahun 2009, perebutan hak maritim di laut China selatan muncul sebagai isu keselamatan yang paling ketara di rantau asia timur.

Malahan ada pakar analisis keselamatan menyatakan bahawa laut china selatan merupakan the new central theatre of conflict." katanya.

Beliau juga tidak menafikan perspektif cabaran keselamatan maritim menjelang dekad mendatang mampu mempengaruhi kestabilan keselamatan maritim termasuk ancaman dari non-state actors, migrasi penduduk antarabangsa dan faktor perubahan ekonomi dunia.

Justeru itu katanya, sebagai sebuah negara maritim yang mempunyai sempadan darat dan maritim dengan negara-negara berjiran, Malaysia memerlukan dasar luar dan keselamatan yang boleh menjaga kepentingan dan hubungan baik dengan negara jiran yang lain.

Untuk mencapai tujuan ini katanya, Malaysia bukan sahaja memerlukan diplomasi yang cekap, tetapi juga perlu dimantapkan dengan kemampuan pertahanan dan keselamatan untuk mencegah ancaman terhadap negara.